

▼18/01/16-31MST

CNS8603

U GB 18-01 00165 BH286

aab

Mahathir - Pelan

JAWATANKUASA KHAS SEDANG KAJI UNTUK KURANGAN JUMLAH KERETA

I

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa khas mengenai pembangunan Kuala Lumpur sedang mencari jalan untuk mengurang jumlah kereta yang memasuki bandar raya bertujuan melegakan masalah kesesakan yang berlarutan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata jawatankuasa itu berpendapat bahawa sekarang terdapat terlalu banyak kenderaan yang memasuki bandar raya.

"Tidak mungkin kita dapat mengadakan jalan dan tempat meletak kereta yang mencukupi untuk semua kenderaan berkenaan, melainkan kita mahu menukar Kuala Lumpur menjadi medan meletak kereta tanpa sebarang bangunan," kata Dr Mahathir apabila memberi butiran mengenai mesyuarat jawatankuasa khas itu yang dipengeruskannya semalam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuka gedung membeli belah Pemas Sogo di sini.

Menurut laporan, mesyuarat semalam dikatakan membuat pindaan kepada Pelan Induk Kuala Lumpur untuk memastikan pertumbuhan ibu negara selari dengan pembangunan sekarang dan juga untuk memudahkan pembangunan semula kawasan-kawasan tertentu. -- lagi

▼18/01/17-21MST

CNS8635

U GB 18-01 00125 BH287

aab

Mahathir - pelan 2 (akhir) Kuala Lumpur

Antara cadangan yang dipertimbangkan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas ialah perkongsian kereta, mengadakan sistem transit rel ringan, landasan berkembar keretapi dan merombak semula sistem pengangkutan awam.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, penggalak utama kempen perkongsian kereta, juga mengumumkan bahawa kerajaan mungkin menaikkan bayaran meletak kereta untuk menggalak orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir mahu lebih banyak usaha dibuat untuk memperkenalkan Kuala Lumpur sebagai destinasi membeli belah antarabangsa.

Beliau berkata adalah "malang" kerana banyak orang asing tidak tahu Malaysia menawarkan barangan bebas cukai dan mereka memutuskan untuk berbelanja di tempat-tempat lain seperti Singapura, Bangkok dan Hong Kong.

-- Bernama

AZG SIA

▼18/01/17-34MST